



SERTAI PENGEMBARAAN INI!

Hari Sabat Penciptaan 2025

Pengembaraan di Taman Haiwan Tuhan

OLEH: IVONNE OMAÑA
& EVELYN OMAÑA

Mengembara di Taman Tuhan

Muzik dan lirik oleh: Salim Omaña

1. Tuhan beri berkat, dari syurga
Dan yang terbesar, dunia kasih-Nya
Dan Firman-Nya banyak untuk diteroka
Seperti mengembara di Taman Tuhan

2. Suatu hari Tuhan, guna ikan
Untuk mengajar, Si Yunus yang degil
Dia t'lah b'lajar, percaya suara Tuhan
Sungguh s'nang mengembara di Taman Tuhan!

3. Haiwan di kandang, menjaga Yesus
Diam berbaring, di dalam palungan
Dari c'rita kita b'lajar kasih-Nya
Sungguh s'nang mengembara di Taman Tuhan!
Sungguh s'nang mengembara di Taman Tuhan!
Sungguh s'nang mengembara di Taman Tuhan!



Mengembara di Taman Tuhan

Oleh: Salim Omaña

1

Measures 1-2 of the musical score. The key signature is D major (two sharps) and the time signature is 4/4. The melody in the treble clef begins with a whole rest in measure 1, followed by a quarter note D5 in measure 2, and continues with eighth notes in measure 3. The bass line in the bass clef has a whole rest in measure 1 and a half note D2 in measure 2.

3

Measures 3-5 of the musical score. The melody in the treble clef features eighth notes and quarter notes, with measure 5 ending on a quarter rest. The bass line in the bass clef consists of chords, with measure 5 ending on a quarter rest.

6

Measures 6-8 of the musical score. The melody in the treble clef continues with eighth and quarter notes. The bass line in the bass clef consists of chords, with measure 8 ending on a quarter rest.

9

Measures 9-11 of the musical score. The melody in the treble clef continues with eighth and quarter notes, ending on a half note in measure 11. The bass line in the bass clef consists of chords, with measure 11 ending on a quarter rest.

Penemuan: Bolehkah anda meneka men-gapa ketam-ketam ini semuanya ber-warna merah?

FAKTA MENARIK:

KETAM MERAH BERGERAK!

Tahukah Anda?

Di Pulau Christmas, berjuta-juta ketam yang berwarna merah cerah berjalan merentasi da-ratan untuk sampai ke laut!


Mereka meninggalkan rumah hutan mereka setiap tahun untuk bertelur di dalam laut. Ia seperti **perarakan ketam**—dan tidak ada apa pun yang boleh menghalang mereka! Mereka merangkak di atas jalan, batu-batu malahan di bawah rumah!

Tetapi mengapa mereka pergi ke laut? Kera-na di sanalah **kehidupan yang baru bermula!** Masih ingat kepada Yunus? Dia lari daripada Tuhan, tetapi menemukan jalannya kembali **di laut!** Sama seperti ketam merah itu, Yunus perlu kembali ke air untuk berhubung kempa-li dengan Tuhan.

Kadang-kadang, kita perlu kembali juga—bu-kan ke laut, tetapi kembali kepada **kasih Tu-han**. Tuhan sentiasa menunggu kita dengan tangan yang terbuka.


Fakta Penciptaan:

Penghijrahan ketam merah adalah sangat besar sehingga boleh dilihat dari angka-sa!



Aktiviti Individu: Ketam Tersembunyi

Yunus cuba bersembunyi daripada Tuhan apabila dia disuruh untuk pergi ke Niniwe. Sama seperti Yunus, ketam juga cuba bersembunyi! Bolehkah anda mencari 10 ekor ketam yang tersembunyi di dasar laut?




Pelajaran: Sama seperti anda menemukan ketam-ketam itu, Tuhan boleh menemukan kita di mana sahaja kita berada.
Mazmur 139:7 (AVB): "Ke mana dapat aku pergi daripada Roh-Mu? Atau ke mana dapat aku lari dari hadirat-Mu?"

Aktiviti Doa Berkumpulan:

BERDOA DI TEMPAT YANG ASING

Yunus berdoa dari dalam perut ikan yang besar!
Mari kita cuba berdoa di tempat-tempat yang kreatif juga:

Penemuan:
Apakah haiwan terbesar yang diketahui di dunia?





Berdoa di Tempat yang Asing

- ☐ Isnin: Di taman
- ☐ Selasa: Di bawah katil
- ☐ Rabu: Di belakang pintu
- ☐ Khamis: Di bawah meja
- ☐ Jumaat: Di bilik mandi



Walaupun doa kita datang dari tempat yang tidak dijangka, Tuhan mendengar dan memberikan jawapan.



Berdoa dan Menurut

Ayat Kunci: Yunus 2:1 — “Lalu Yunus pun berdoa kepada TUHAN, Allahnya, dari dalam perut ikan itu.”

Pengenalan:

“Ibu, bolehkah saya berdoa ketika berbaring?” Ricky bertanya kepada ibunya sementara ibunya mempersiapkan dia untuk tidur. “Sudah tentu, anak,” jawabnya. “Anda boleh berdoa di mana sahaja. Anda boleh berdoa di atas katil, di dalam kereta, di bilik mandi—di mana sahaja anda mahu—kerana Tuhan mendengar kita tidak kira di mana kita berada. Hari ini, saya akan menceritakan satu cerita kepada anda tentang seorang lelaki yang berdoa di suatu tempat yang sangat aneh, tetapi Tuhan masih mendengar kepadanya.”

Tuhan Memanggil Yunus

Semuanya bermula suatu hari apabila Tuhan pergi ke rumah seorang lelaki bernama Yunus dan berkata kepadanya, “Yunus, bangunlah dan pergilah ke Niniwe untuk menasihati orang-orang di sana, kerana Aku telah melihat bahawa mereka berkelakuan sangat buruk. Beritahu mereka untuk berhenti melakukan perkara yang salah.” Tetapi Yunus tidak mahu pergi ke tempat yang telah diperintahkan Tuhan kepadanya kerana dia tidak menyukai orang-orang di kota itu. Dia tidak mempunyai sahabat di sana dan dia tahu bahawa mereka adalah orang-orang yang sangat jahat. Lalu, dia lari ke tempat lain—dan itu adalah keputusan yang salah, kerana kita tidak akan pernah dapat lari daripada Tuhan.

Tuhan sentiasa melihat apa yang kita lakukan, maka Dia melihat ketika Yunus naik ke atas kapal untuk melarikan diri dan bersembunyi di bahagian bawah kapal. Tiba-tiba, angin ribut mula bertiup kencang dan kapal itu bergoyang ke belakang dan ke hadapan. Semua yang berada di atas kapal sangat takut. Mereka tidak tahu mengapa ribut datang, tetapi mereka berdoa kepada tuhan mereka, memohon agar tidak ada perkara yang buruk akan terjadi.

Anda tahu apa yang ditemukan oleh kapten kapal itu apabila dia turun ke bahagian bawah kapal? Dia melihat Yunus tidur! Ya, semua orang ketakutan dan berdoa—dan Yunus sedang tidur. Yunus tahu bahawa ribut itu datang kerana ketidaktaatannya, lalu dia berkata, “Campaklah aku ke laut.” Para pelaut tidak mahu melakukannya, tetapi Yunus tetap berkeras—dan tidak lama setelah mereka mencampaknya, ribut itu pun berhenti.

Para pelaut di atas kapal itu mungkin menyangka Yunus telah lemas, tetapi Tuhan mengirimkan seekor ikan yang besar untuk menelan dia. Sekarang setelah Yunus berada di dalam perut ikan, dia mula berdoa. Tidakkah itu kedengarannya seperti suatu tempat yang aneh untuk berdoa? Sudah pasti di dalam sana sangat gelap dan berbau busuk! Anda tahu berapa lama Yunus berdoa di dalam perut ikan? **TIGA HARI.**

Begitulah bagaimana Yunus mula mengerti bahawa dia harus menurut kepada Tuhan. Dalam kegelapan itu, dia menyadari bahawa tidak ada seorang pun yang boleh lari daripada Tuhan.

Tuhan mempunyai rencana dan disebabkan itu Dia memerintahkan ikan itu memuntahkan Yunus ke darat. Sekarang Yunus bersedia untuk menuruti Tuhan, yang telah mendengar doanya dan mengampuni ketidaktaatannya.

Kesimpulan:

Jika kita, seperti Yunus, yang berasa takut untuk berbicara kepada mereka yang lain mengenai Tuhan, kita tidak perlu lari. Kita hanya perlu berdoa dan memohon bantuan daripada Tuhan. Dia akan mendengar kita—dan Dia akan membantu kita.



Jangan Takut Untuk Pergi

Ayat Kunci: Yunus 2:1 — “Lalu Yunus pun berdoa kepada TUHAN, Allahnya, dari dalam perut ikan itu.”

Pengenalan:

Kadang-kadang agak sukar untuk kita menuruti apa yang ibu bapa kita katakan untuk kita lakukan—dan bagi sesetengah orang, adalah sukar juga untuk menuruti apa yang Tuhan perintahkan kepada kita.

Yunus Takut

Yunus adalah seorang nabi yang tahu betapa pentingnya menurut kepada Tuhan. Pada suatu hari, apabila Tuhan menyuruh dia pergi ke Niniwe untuk berbicara, Yunus menjadi sangat takut. Dia tahu bahawa orang-orang di kota itu jahat dan dia tidak mahu pergi menasihati mereka. Lalu, dia melarikan diri. Tetapi Tuhan melihat Yunus sementara dia naik ke atas kapal.

Adakah anda fikir kita boleh bersembunyi daripada Tuhan? **Mustahil!** Tuhan melihat dan mengetahui segala sesuatu.

Tiba-tiba, kapal itu mula bergoyang dengan kuat kerana Tuhan mengirimkan ribut dan semua orang yang berada di atas kapal ketakutan. Setiap orang mula berdoa kepada Tuhan mereka dan kapten kapal pergi mencari Yunus. Dia mendapati Yunus sedang tidur! Yunus tahu bahawa ribut itu datang disebabkan dia, lalu dia memberitahu mereka untuk melemparkan dia ke laut.

Walaupun para pelaut di atas kapal tidak mahu melakukannya, mereka akhirnya bersetuju—dan ribut itu berhenti dengan serta-merta.

Yunus tenggelam ke dasar laut, tetapi Tuhan mengirimkan seekor ikan yang besar untuk menelan dia. Di dalam perut ikan yang besar itu, Yunus berdoa, memohon kepada Tuhan untuk mengampuni dia dan berjanji bahawa dia akan pergi berbicara seperti yang Tuhan telah perintahkan.

Tiga hari berlalu, ikan yang besar itu pun memuntahkan Yunus ke darat. Sekarang Yunus bersedia untuk pergi berbicara, seperti yang diperintahkan Tuhan untuk dia lakukan.

Kesimpulan:

Kadang-kadang kita takut untuk melakukan apa yang Tuhan perintahkan untuk kita lakukan—tetapi seperti Yunus, kita harus berdoa. Yunus memohon pengampunan kerana melarikan diri dan tidak menurut. Apabila Tuhan meminta kita untuk melakukan sesuatu, kita harus berdoa dan menurut, katakan: **“Ya, Tuhan, saya akan pergi.”**

